

Headline **Selebriti riben merah**
Date **03 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **Rudy Syareme Sheriffudin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R25**
Article Size **311 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,943**
PRValue **26,829**



Selebriti riben merah

Bantu Majlis Aids Malaysia buat kerja amal

**Rudy Syareme
Sheriffudin**

BUKAN publisiti menjadi taruhan, namun semangat keprihatinan terhadap pesakit Aids atau HIV positif agar mereka tidak merasa terpinggir dari masyarakat.

Itulah yang diterapkan sekumpulan selebriti tanah air apabila diberikan tanggungjawab menjadi duta Program Selebriti Sokongan Riben Merah anjuran Majlis Aids Malaysia (MAM)

Komitmen itu bukan saja membabitkan diri dalam program amal semata-mata, malah cuba mendekati masyarakat dan penghidap HIV selain mencari dana untuk MAM dan Yayasan Aids Malaysia.

Antara selebriti yang terbabit adalah Datuk Siti Nurhaliza, Datin Paduka Umie Aida, Faizal Tahir, Fahrin Ahmad, Dayang Nurfaizah, Zainal Alam Kadir, Owen Yap, Aanatha, Uthaya, Shah Shamsihiri, Joey G, Winnie K dan Kenchana Dewi.

Lebih menarik, sejak dilancarkan April tahun lalu, MAM sudah memulakan program ini dengan membawa selebriti ke merata tempat.

Bagai satu sinar baru apabila Hotel Hard Rock Pulau Pinang bersama MAM

melancarkan fasa kedua program berkenaan. Ia dilancarkan Presiden MAM, Datuk Mohd Zaman Khan, baru-baru ini.

Bersempena itu, satu bengkel dan lawatan ke rumah perlindungan diadakan di Pusat Khidmat Komuniti Aids Shelter Home, Bukit Mertajam selain bertumpu di Hotel Hard Rock sendiri selaku tuan rumah.

Mohd Zaman berkata, pelancaran program ini adalah untuk terus mendapatkan sokongan orang awam mengenai kesedaran HIV dan Aids.

Beliau berkata, program ini adalah sebahagian daripada Rancangan Strategik MAM bagi 2008-2010 yang mencadangkan satu persekitaran sesuai untuk menangani isu stigma mahupun diskriminasi.

Katanya, peranan dan tugas selebriti juga adalah ke arah pengumpulan dana untuk MAM dan Yayasan AIDS Malaysia.

"Pelbagai kejayaan diperoleh antaranya malam amal dan majlis terbuka puasa dengan komuniti di Terengganu oleh Dayang Nurfaizah, Larian Amal Standard Chartered KL Maraton serta kemunculan

Fahrin Ahmad di Johor dan Pahang.

"Bukan itu saja, acara derma darah dan Hari Aids Sedunia juga diadakan. Kita berharap dengan adanya program seperti ini, pesakit atau pengidap HIV dan Aids tidak akan rasa tersisih," katanya.

Sementara itu, Fahrin berkata, selebriti juga harus turun padang membantu kempen seperti ini kerana ia dapat mem-

berikan sinar baru kepada pesakit Aids dan HIV.

"Kita patut membuang jauh sikap mementingkan diri sendiri. Artis ada pengaruh besar kepada masyarakat dan seharusnya berganding bahu untuk membantu segala kempen yang bermanfaat," ujarnya.

Bagi Umie Aida pula, pesakit Aids atau HIV perlu diberi peluang oleh masyarakat selain perlindungan.

"Kadangkala penderitaan penghidap Aids bukanlah kehendak mereka, namun disebabkan perbuatan orang lain seperti suami sendiri. Jadi kita tidak seharusnya menghambakan tekanan hidup golongan terbabit," kata Umie.

Headline **Selebriti riben merah**
Date **03 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **Rudy Syareme Sheriffudin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R25**
Article Size **311 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,943**
PRValue **26,829**



GEMBIRA...Zaman Khan (dua dari kanan) bergambar bersama artis ketika pelancaran Fasa Kedua Program Selebriti Sokongan Riben Merah di Hotel Hard Rock, Batu Feringghi.